



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/11/136 (HQ)

### TNB BIMBANG PENINGKATAN KES PELANTIKAN TALIAN VOLTAN TINGGI AKIBAT PENCEROBOHAN

Peningkatan kes pelantikan talian voltan tinggi akibat kerja-kerja pembinaan berhampiran kawasan rizab talian **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** yang melonjak tujuh kali ganda dalam tempoh 10 bulan tahun ini membimbangkan syarikat utiliti negara itu.

“Pada tahun lalu, hanya satu kes pelantikan dicatatkan. Namun bagi tahun ini sehingga bulan Oktober, kes pelantikan disebabkan kerja-kerja pembinaan oleh pemaju dalam rentis TNB melonjak kepada lapan kes” kata Ketua Pegawai Grid TNB (Chief Grid Officer), Datuk Ir. Husaini Husin.

“Kami khuatir jika ada lagi pemaju yang masih mengingkari nasihat kami untuk menjauhi rentis talian penghantaran TNB, kes pelantikan tahun ini kembali meningkat kepada dua digit seperti yang dilaporkan pada tahun 2018 dengan 18 kes.”

Kes pelantikan bukan sahaja boleh menyebabkan kecederaan dan kehilangan nyawa, malah mengganggu-gugat kestabilan dan keselamatan sistem Grid nasional yang menyalurkan bekalan elektrik kepada hampir 9.5 juta pelanggan di Semenanjung Malaysia, termasuk operasi sektor perindustrian dan perdagangan.

Individu atau objek yang berada terlalu hampir dengan talian voltan tinggi boleh menyebabkan berlakunya percikan arka (flashover) walaupun tiada sentuhan fizikal.

“Bagi menangani isu ini, TNB telah mengambil pelbagai langkah proaktif seperti membuat pemantauan dan mengenalpasti projek tanpa kelulusan dan membuat rondaan sepanjang talian bagi mengenalpasti kawasan berisiko tinggi.

“Sesi libat urus dengan pihak berkuasa tempatan juga dilakukan selain usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemaju dan penduduk sekitar melalui pengedaran risalah, pemasangan papan tanda amaran, penggunaan kamera keselamatan pintar, memasang penghadang had ketinggian sementara serta meletakkan penanda sempadan di kawasan rentis TNB,” jelas Husaini.

Lebar rentis menara talian penghantaran adalah antara 20 meter ke 35 meter dari garisan tengah talian ke arah kiri dan kanan talian. Sebarang projek pembangunan hendaklah diawasi oleh Jurutera Kompeten Suruhanjaya Tenaga dan Pegawai Keselamatan. Taklimat mengenai

keselamatan di sekitar talian penghantaran telah dijalankan di ladang-ladang dan di kilang-kilang, selain dari pemasangan papan tanda keselamatan di kawasan kilang yang berada berhampiran dengan talian penghantaran.

Di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), mana-mana pihak yang membuat aktiviti berhampiran dengan pepasangan elektrik tanpa kebenaran dan berkemungkinan mengganggu pepasangan elektrik tersebut atau menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang atau harta, jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Jenis-Jenis aktiviti yang tidak dibenarkan di kawasan rentis dan berhampiran termasuk:

1. Aktiviti permainan, rekreasi, riadah dan sukan seperti jogging, bermain layang-layang, memancing atau alat permainan kawalan jauh seperti dron.
2. Aktiviti menggunakan kren atau jentera berat untuk kerja-kerja pembinaan serta kerja-kerja mengambil, menambak, memotong dan membuang tanah.
3. Aktiviti berlindung dan berteduh semasa cuaca buruk seperti petir, angin ribut dan hujan.
4. Aktiviti melakukan pembakaran secara terbuka, membuang sampah dan tempat menyimpan barang-barang.
5. Aktiviti membina kolam dan mengorek lombong atau melebarkan/pendalaman sungai.
6. Aktiviti memasang tiang bendera dan membina struktur melebihi 6 kaki.
7. Aktiviti membawa galah aluminium dengan kaedah secara menegak melintasi talian penghantaran voltan tinggi.
8. Aktiviti membina dan mananam tapak semaian, tanaman kontan serta tanaman melebihi 6 kaki.

Selain itu, mengikut Akta yang sama, apa-apa perbuatan yang menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana pepasangan adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

Sekiranya terdapat insiden pencerobohan atau sebarang kejanggalan pada pepasangan TNB, pengguna diminta menghubungi TNB CareLine di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 November 2021, jam 2:30 petang**

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Fazreen 019-3160401

atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)



Ketua Pegawai Grid TNB (Chief Grid Officer), Datuk Ir. Husaini Husin

## AKTIVITI-AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN DI KAWASAN RENTIS



### Kawasan Rentis


- Kawasan yang menempatkan menara tali penghantaran bervoltan tinggi
- Dalam jarak 20 - 35 meter di sebelah kiri dan kanan menara tali penghantaran dari garis tengah menara.
- Pemaju dinasihatkan tidak melakukan kerja-kerja berhampiran kawasan izin lalu rentis (right-of-way) tali penghantaran
- Kerja-kerja dalam kawasan rentis dilarang kerana risiko percikan arka dan renjatan elektrik



### Jenis-Jenis aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN di bawah kawasan rentis dan berhampiran



- Beriadah dan sukan seperti jogging, bermain layang-layang, dron atau memancing ikan
- Menggunakan kren atau jentera berat untuk kerja mengambil, menambak dan membuang tanah
- Berlindung dan berteduh semasa cuaca buruk seperti petir dan hujan ribut
- Melakukan pembakaran terbuka, membuang sampah dan menyimpan barang-barang



Memasang tiang bendera dan membina struktur melebihi 6 kaki



Membina kolam dan mengorek lombong atau melebarkan sungai



Membina tapak semaian atau tanaman kontan melebihi 6 kaki



Membawa galah aluminium dengan kaedah menegak dibawah tali penghantaran



INDIVIDU ATAU OBJEK YANG BERADA TERLALU HAMPIR DENGAN KONDUKTOR TALIAN WALAUPUN TIDAK BERSENTUHAN BOLEH MENYEBABKAN BERLAKUNYA PANCARAN ARKA (FLASHOVER)